

TERMA & SYARAT KEMPEN RAYA2RAYA

1. DEFINISI

- 1.1. Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut adalah bermaksud seperti makna yang diberikan kepadanya:-
- 1.2. "Co-opbank Pertama" bermaksud Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Koperasi No.1146 / 7.6.50), koperasi yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di No. 27, Tingkat 2, Wisma JCBNEXT, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur.
- 1.3. "Kempen" bermaksud Kempen Raya2Raya (#R2R) yang dianjurkan oleh CBP dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 1.4. "Pelanggan Yang Layak" bermaksud Pelanggan yang memenuhi terma & syarat kelayakan yang ditetapkan oleh CBP.

2. TEMPOH KEMPEN

- 2.1. Tempoh kempen adalah bermula dari **1 April 2022** sehingga **30 September 2022** yang bermaksud ("Tempoh Kempen").
- 2.2. Pihak Co-opBank Pertama "CBP" mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen tersebut mengikut budi bicara secara mutlak dengan memberi notis secara bertulis yang akan dipaparkan di semua Cawangan CBP dan melalui paparan di laman web CBP dalam tempoh lima (5) hari bekerja dan segala keputusan yang berkaitan tempoh tersebut adalah muktamad.

3. MEKANISMA KEMPEN

- 3.1. Kempen ini terbahagi kepada Dua (2) mekanisme iaitu:
 - Pemberian hadiah untuk Pelanggan Terawal (Individu dan Koperasi/Korporat Wanita); dan
 - Cabutan Hadiah untuk semua Pelanggan yang layak dan memenuhi syarat-syarat kempen berdasarkan produk.

4. KELAYAKAN PERMOHONAN DAN HADIAH UNTUK PELANGGAN TERAWAL (INDIVIDU DAN KOPERASI/KORPORAT WANITA SAHAJA)

- 4.1. Hadiah istimewa akan diberikan kepada Lima (5) Pelanggan Terawal untuk setiap portfolio (produk) selama tempoh kempen ini berjalan.
- 4.2. Seramai Lima (5) Pelanggan Terawal (**Individu Wanita & Koperasi/Korporat Wanita sahaja**) pada setiap bulan (sepanjang tempoh kempen) untuk setiap portfolio (produk) akan mendapat

Hadiah Istimewa berupa **Wafer Emas 0.25g** dengan syarat-syarat yang perlu dipenuhi seperti berikut:

- Memohon pembiayaan dan mendapat kelulusan pembiayaan (untuk produk Pembiayaan Berjangka-i/Kredit Pusingan-i); **ATAU**
- Memohon pembiayaan, mendapat kelulusan, penerimaan dan pengeluaran pembiayaan (untuk produk Pembiayaan Peribadi & Pembiayaan Ar-Rahnu); **ATAU**
- Memohon pembiayaan, mendapat kelulusan dan penerimaan pembiayaan (untuk produk Pembiayaan Perumahan); **ATAU**
- Memasukkan RM500/RM1,000 deposit ke dalam Akaun Simpanan-i Salam (deposit dikekalkan di dalam akaun untuk minimum 6 bulan dari tarikh peletakan); **ATAU**
- Memasukkan jumlah minimum RM1,000 ke dalam Akaun Deposit-i Berjangka (peletakan deposit selama 12 bulan); **ATAU**
- Melanggan Perkhidmatan Wasiat.

4.3. Pemenang (Individu Wanita & Koperasi Wanita) di atas juga adalah layak untuk Cabutan Hadiah Kempen.

5. KELAYAKAN, TERMA & SYARAT MENGIKUT PRODUK

Kadar promosi, terma dan syarat untuk produk dan perkhidmatan yang terlibat di dalam kempen ini adalah sah digunapakai selama tempoh Enam (6) bulan iaitu bermula dari 1 April 2022 sehingga 30 September 2022.

5.1 Pembiayaan Peribadi-i Al-Yaseer

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Pembiayaan Peribadi Al-Yaseer.
- (b) Hanya Pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan dan dikeluarkan di dalam tempoh kempen adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (c) Terbuka kepada pembiayaan baharu dan *overlap* (tanpa mengira jumlah pengeluaran) dan semua cara bayaran balik.
- (d) Kadar Keuntungan dan Tempoh Pembiayaan ialah seperti berikut:

Tempoh Pembiayaan	Kadar Keuntungan
1 – 3 tahun	*ECOF + 1.50%
4 – 10 tahun	*ECOF + 2.00%

*ECOF pada 28 Februari 2022 = 2.90%

Nota: Tambahan 1% terhadap Kadar Keuntungan semasa bagi pembiayaan tanpa Takaful.

5.2 Pembiayaan Ar-Rahnu 2.0

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Pembiayaan Ar-Rahnu 2.0.
- (b) Terbuka kepada semua Pelanggan Baharu dan Sedia Ada dengan syarat seperti berikut:
 - (i) Pembukaan akaun baharu sahaja;
 - (ii) Tempoh minimum pembiayaan adalah Enam (6) bulan (tanpa penebusan di dalam tempoh kempen); dan
 - (iii) Jumlah minimum pembiayaan ialah berjumlah RM100.
- (c) Hanya Pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan dan dikeluarkan di dalam tempoh kempen adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (d) Pembiayaan maksimum (Harian & Terkumpul) adalah tertakluk kepada polisi semasa Ar-Rahnu 2.0.
- (d) Kadar Keuntungan adalah seperti berikut:

Tempoh Pembiayaan	Kadar Keuntungan
Minimum 6 Bulan	8.50% + 0.50% Surcaj Takaful

5.3 Pembiayaan Perumahan-i Al-Amali

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Pembiayaan Perumahan Al-Amali dan hanya untuk hartanah kediaman individu sahaja.
- (b) Terbuka kepada:
 - (i) Pemohon individu dan bersama;
 - (ii) Permohonan pembiayaan baru sahaja (termasuk pembiayaan semula untuk hartanah yang dibiayai oleh bank lain); dan
- (c) Hanya Pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan dan diterima di sepanjang tempoh kempen adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (d) *Baucer bernilai RM1,000 akan diberi kepada Pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan dan diterima serta berjumlah RM300,000 dan ke atas.
**Baucer adalah terhad sehingga 100 unit sahaja.*
- (e) Kadar Keuntungan adalah seperti berikut:

Jumlah Pembiayaan	Kadar Keuntungan
RM 150,000 dan ke atas	**ECOF + 0.25%

***ECOF pada 28 Februari 2022 = 2.90%*

5.4 Pembiayaan Berjangka-i/ Kredit Pusingan-i untuk Koperasi/Korporat (Dengan Cagaran)

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Pembiayaan Berjangka-i dan Kredit Pusingan-i untuk Koperasi/Korporat.
- (b) Hanya Pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan di dalam tempoh tempoh adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (c) Yuran guaman sehingga 50% adalah ditanggung oleh CBP.
- (d) Duti setem yang terlibat dibayar sepenuhnya oleh Pelanggan.
- (e) Tempoh penangguhan (*grace period*) adalah selama Enam (6) bulan untuk produk Pembiayaan Berjangka-i, manakala TIADA tempoh penangguhan (*grace period*) untuk produk Kredit Pusingan-i.
- (f) Kadar Keuntungan adalah seperti berikut:

Produk	Tempoh Pembiayaan	Kadar Keuntungan
Pembiayaan Berjangka-i (dengan Cagaran lain)	20 Tahun	Serendah ECOF + 0.75%
Kredit Pusingan-i (dengan Cagaran lain)	5 Tahun	
Pembiayaan Berjangka-i (dengan Cagaran Deposit-i Berjangka)	20 Tahun	*ECOF + 0.5%
Kredit Pusingan -i (dengan Cagaran Deposit-i Berjangka)	5 Tahun	

*ECOF pada Februari 2022 = 2.90%

Nota: Kadar Keuntungan yang ditawarkan adalah bergantung kepada penilaian profil risiko Pelanggan.

5.5 Pembiayaan Berjangka-i/ Kredit Pusingan-i untuk Koperasi/Korporat (Tanpa Cagaran)

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Pembiayaan Berjangka-i dan Kredit Pusingan-i untuk Koperasi/Korporat.
- (b) Hanya Pelanggan dengan pembiayaan yang telah diluluskan di dalam tempoh tempoh adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (c) Yuran guaman sehingga 50% adalah ditanggung oleh CBP.
- (d) Duti setem yang terlibat dibayar sepenuhnya oleh Pelanggan.
- (e) Tempoh penangguhan (*grace period*) adalah selama Enam (6) bulan untuk produk Pembiayaan Berjangka-i, manakala TIADA tempoh penangguhan (*grace period*) untuk produk Kredit Pusingan-i.
- (f) Jaminan diperlukan oleh Tiga (3) Anggota Lembaga Koperasi (Pengerusi, Setiausaha & Bendahari)

- (g) Tiada Cagaran.
- (h) Kadar Keuntungan adalah seperti berikut:

Produk	Tempoh Pembiayaan	Kadar Keuntungan
Pembiayaan Berjangka-i (tanpa Cagaran)	20 Tahun	*ECOF + 1.00%
Kredit Pusingan-i (tanpa Cagaran)	5 Tahun	

*ECOF pada Februari 2022 = 2.90%

Nota: Kadar Keuntungan yang ditawarkan adalah bergantung kepada penilaian profil risiko Pelanggan.

5.6 Deposit-i Berjangka

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Deposit-i Berjangka.
- (b) Terbuka kepada individu dan peletakan baharu (*fresh fund*) sahaja.
- (c) Hanya Pelanggan dengan peletakan deposit di sepanjang tempoh kempen adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (d) Kadar Keuntungan adalah seperti berikut:

Tempoh Peletakan	Kadar Keuntungan
12 Bulan	3.00%

- (e) Kadar keuntungan istimewa Deposit-i Berjangka yang ditetapkan hanya khas pada tempoh kempen sahaja.
- (f) Selepas tamat 12 bulan peletakan deposit, kadar keuntungan tidak akan diperbaharui.
- (g) Tiada sebarang pembayaran keuntungan akan dilakukan oleh Co-opbank sekiranya pelanggan melakukan pengeluaran pra-matang.

5.7 Akaun Simpanan-i Salam

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Akaun Simpanan-i Salam.
- (b) Terbuka kepada pendeposit baharu dan sedia ada.
- (c) Bagi pendeposit baharu, hendaklah membuka akaun baharu dan mengekalkan minimum deposit bagi tempoh minimum 6 bulan bermula dari peletakan deposit untuk melayakkan mendapat cabutan bertuah. Bagi pendeposit sedia ada, baki akhir pada tamat tempoh kempen hendaklah melebihi RM500 atau RM1,000 bagi melayakkan untuk mendapat cabutan bertuah.
- (d) Akaun simpanan yang terlibat dan Kadar Keuntungan adalah seperti berikut:

5.8

Jenis Akaun	Minimum Deposit	Kadar Keuntungan
Akaun Asas	RM500	(i) <RM5,000 = 1.00% (ii) ≥RM5,000 = 1.25% (iii) >RM50,000 = 1.75%
Mystar	RM500	1.75% (<i>single tiering</i>)
Masajid	RM1,000	1.75% (<i>single tiering</i>)

Wasiat

- (a) Syarat kelayakan Pelanggan adalah sepertimana kelayakan sedia ada produk Wasiat.
- (b) Terbuka kepada Pelanggan baharu dan sedia ada.
- (c) Hanya Pelanggan dengan pembelian wasiat di sepanjang tempoh kempen adalah layak untuk cabutan bertuah.
- (d) Harga Istimewa ditawarkan kepada Pelanggan iaitu ***RM450** sahaja.
**Diskaun RM50 untuk Pelanggan sepanjang tempoh kempen.*

6. KAEDAH CABUTAN BERTUAH

- 6.1 Bilangan penyertaan bagi setiap Pelanggan adalah bergantung kepada jumlah produk yang dilanggan (pembiayaan/peletakan deposit/pembelian wasiat) di sepanjang tempoh kempen dan seperti yang ditetapkan di dalam syarat-syarat kempen untuk setiap produk.
- 6.2 Pihak CBP akan menggunakan kaedah “pemilihan secara rawak” yang ditentukan oleh sistem dalaman CBP untuk memilih para pemenang dari kalangan para Pelanggan Yang Layak dan pihak CBP mempunyai hak dan keputusan yang muktamad untuk mengubah /menyemak semula / meminda kriteria pemilihan / mekanisma / proses yang difikirkan sesuai dan perlu pada bila-bila masa.
- 6.3 Pemilihan pemenang hadiah Kempen akan dikendalikan pada akhir Tempoh Kempen atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak CBP untuk menentukan pemenang.
- 6.4 Bagi akaun pembiayaan berstatus Z5, Z6, & Z7 adalah tidak layak untuk memenangi hadiah yang disediakan.
- 6.5 Pelanggan yang memenangi hadiah Kempen ini akan dihubungi melalui telefon pada bila-bila masa pada waktu pejabat (9.00 pagi – 5.00 petang) dari hari Isnin hingga Jumaat. Panggilan telefon yang dibuat kepada Pelanggan yang menang adalah berdasarkan kepada nombor telefon terkini yang dikemukakan kepada pihak CBP dan yang tercatat di dalam rekod CBP.
- 6.6 Pelanggan yang layak menyertai Kempen ini bertanggungjawab untuk memastikan alamat dan nombor telefon yang diberi kepada pihak CBP adalah yang terkini dan / dikemaskini pihak CBP.
- 6.7 Jika percubaan pertama untuk menghubungi pemenang (pemenang-pemenang) gagal, maka percubaan kedua akan dibuat. Jika percubaan kedua itu juga gagal, tiada percubaan lagi akan

dibuat oleh pihak CBP dan akan membuat keputusan yang muktamad untuk membatalkan Pelanggan berkenaan sebagai pemenang.

- 6.8 Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab dan tiada apa-apa gantirugi yang akan di pertanggungjawabkan kepada CBP oleh Pelanggan, sekiranya Pelanggan dalam senarai pemenang tidak dapat dihubungi atas apa alasan sekali pun.

7. HADIAH KEMPEN

- 7.1 Hadiah yang ditawarkan kepada Pelanggan yang layak dan berjaya adalah seperti berikut:

- (a) Hadiah Bagi Pelanggan (Individu Wanita/Koperasi Wanita) Terawal (Setiap Bulan di sepanjang tempoh Kempen)

Bil.	Perkara	Hadiah	Unit
1.	Hadiah Pelanggan Terawal	Wafer Emas 0.25g	210

- (b) Hadiah Cabutan Bertuah

Bil.	Perkara	Hadiah	Unit
1.	Hadiah Pertama	1.5T Executive Proton X50	1
2.	Hadiah Kedua	Set Barang Kemas	3
3.	Hadiah Ketiga	Iphone 13 (512 GB)	6
4.	Hadiah Saguhati	Samsung Galaxy Tab A	20

- (c) Hadiah Sampingan

Langganan wasiat diberi secara percuma untuk setiap pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga (10 pemenang).

8. PENEBUSAN HADIAH

- 8.1 Pihak CBP akan mengeluarkan surat pengesahan kepada pemenang dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari bekerja dari tarikh pengumuman nama pemenang atau pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai dan wajar oleh pihak CBP.

- 8.2 CBP mempunyai hak mutlak untuk meminda, menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah lain yang setara nilainya atas sebab-sebab yang munasabah (seperti ketiadaan stok).
- 8.3 Apabila CBP menukarkan hadiah yang setara nilainya; tiada pampasan yang akan dibayar atau layak dituntut atas lebihan atau kekurangan nilai hadiah setara berbanding nilai hadiah asal yang ditawarkan.
- 8.4 Apa-apa kos pemindahan hak milik atau urusan logistik bagi hadiah utama adalah ditanggung oleh pemenang sendiri.
- 8.5 Kos perbelanjaan (jika ada) berkaitan dengan pengambilan hadiah yang ditawarkan kepada pemenang harus ditanggung oleh para pemenang sendiri.
- 8.6 Pemenang hadiah kempen dikehendaki untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara penyampaian hadiah dan / atau mana-mana acara promosi kelolaan pihak CBP pada bila-bila tarikh dan masa yang akan ditentukan oleh pihak CBP. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak CBP melalui panggilan telefon atau cara perhubungan lain yang dianggap sesuai oleh pihak CBP mengenai ketetapan upacara penyampaian hadiah itu dan / atau mana-mana acara promosi yang akan dibuat oleh pihak CBP. Tertakluk kepada terma berikutnya berkaitan perintah sekatan, jika pemenang itu gagal menghadiri upacara penyampaian hadiah dan / atau mana-mana acara promosi secara fizikal, maka pemenang dianggap tidak menerima hadiah (Hadiah-Hadiah) atau hadiah terbatal dengan menggunakan satu-satunya pertimbangan mutlak CBP tanpa memberi notis terdahulu kepada pemenang-pemenang. Sebarang perbelanjaan menghadiri majlis / acara promosi CBP adalah ditanggung sendiri oleh pemenang. Sekiranya Pemenang tidak dapat melakukan perjalanan disebabkan apa-apa perintah sekatan perjalanan yang dikenakan oleh pihak kerajaan, Pemenang hendaklah memaklumkan kepada CBP untuk pihak CBP memberi nasihat dan arahan lanjut berkaitan perkara ini. Untuk mengelakkan keraguan, perkara ini hanya terpakai semasa apa-apa perintah sekatan yang di laksanakan oleh pihak kerajaan dan/atau undang-undang di Malaysia.
- 8.7 Sejar dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, CBP akan memastikan data peribadi Pelanggan akan dilindungi. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang telah dianggap memberikan kebenaran menggunakan nama, gambar pemenang atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pemenang untuk disiar atau dipaparkan di mana-mana media mengikut budi bicara CBP. CBP juga berhak menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
- 8.8 Hadiah akan diberi atau dikeluarkan atas nama para pemenang dan ia tidak boleh dipindah milik.
- 8.9 CBP tidak bertanggungjawab bagi sebarang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat peruntukan cukai yang difailkan atau apa-apa bayaran cukai kepada jabatan berkuasa yang berkenaan, hadiah ini adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab pemenang. Pemenang berhak mendapatkan nasihat tentang

tanggungjawab cukai yang mungkin timbul berikutan daripada kemenangan pemenang dan mendapatkan nasihat bebas mengenai cukai berhubung kedudukan kewangan pemenang atas tanggungan perbelanjaan pemenang sendiri (sekiranya ada).

- 8.10 CBP dan sekutunya berserta pihak Pengurusan, Pegawai, Pekerja dan Agensi yang terlibat tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa yang dialami oleh Pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan Pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus, mengambil hadiah akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari CBP, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.
- 8.11 Pihak CBP dengan jelasnya tidak mengambil kira dan tidak akan menerima sebarang perwakilan, jaminan atau penandatanganan, secara jelas atau secara tidak langsung, bertulis atau secara lisan berkaitan dengan kualiti atau kesesuaian hadiah (hadiah-hadiah). Pihak CBP juga tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian dengan pengeluar atau pengedar hadiah dan para pemenang sendiri dikehendaki berurusan secara langsung dengan pengeluar atau pembekal berkenaan bagi mendapatkan semua maklumat berkaitan jaminan ke atas hadiah yang dimenangi.
- 8.12 Pihak CBP mempunyai hak untuk membatalkan atau untuk mengambil kembali hadiah-hadiah yang diberikan kepada pemenang jika pemenang berkenaan telah melakukan penipuan atau salah laku berkaitan dengan akaun pembiayaan mereka. CBP mempunyai hak untuk menuntut kos yang terlibat (sekiranya ada) jika terdapat keperluan untuk menuntut semula hadiah.
- 8.13 CBP berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja sebelum tarikh pembatalan, penamatan atau penggantungan dengan menghantar makluman bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan CBP mahupun di laman web CBP. Sekiranya timbul sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen atau berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang menyertai kempen ini tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CBP bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung samada secara langsung dan tidak langsung.

9. UMUM

- 9.1 Keputusan yang dibuat oleh pihak CBP terhadap semua perkara dan / atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang pertikaian dan surat-menyurat selanjutnya tidak akan dilayan.

- 9.2 Pihak CBP mempunyai hak untuk mengguna, menyiar atau mempamerkan butir-butir pemenang terpilih dalam apa bentuk sekali pun yang dianggap sebagai perlu dan bersesuaian (termasuk tetapi tidak terbatas kepada) nama, gambar, dan bandar tempat tinggal pemenang yang terpilih itu untuk tujuan pengiklanan dan publisiti (jika ada). Dengan menyertai Kempen ini, pemenang terpilih itu dengan ini secara nyata telah membenarkan dan bersetuju dengan pihak CBP untuk melaksanakan hak-hak yang disebut lebih awal. Para Pelanggan Yang Layak akan mempunyai budi bicara mereka sendiri untuk mendapat dan mengemaskinikan butiran peribadi mereka dengan cara memberitahu pihak CBP secara bertulis sepanjang Tempoh Kempen.
- 9.3 Pihak CBP mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad untuk mengubah, meminda, memansuhkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khususnya di dalam dokumen ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah jangka masa Kempen yang dianggap perlu dan wajar dengan memberi notis terdahulu melalui laman web rasmi CBP atau notis di cawangan-cawangan CBP.
- 9.4 Pihak CBP juga mempunyai hak untuk menukar, menghapus, mengganti, menambah atau membatalkan Hadiah-Hadiah Kempen sebelum akad Hibah dilaksanakan atau sebelum pemilihan Pemenang dibuat pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang alasan dengan notis sewajarnya melalui laman web rasmi CBP atau notis di cawangan-cawangan CBP.
- 9.5 Pihak CBP mempunyai hak dan pertimbangan mutlak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau diputuskan sebagai mengganggu proses penyertaan dan / atau operasi Kempen, yang melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat yang termaktub di sini.
- 9.6 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan / atau representasi yang terkandung di dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- 9.7 Dengan menyertai Kempen ini, para Pelanggan Yang Layak dan / atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat-Syarat yang telah dinyatakan.
- 9.8 Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh takdir, peperangan, rusuhan, pemogokan, halangan masuk oleh majikan, tindakan industri, kebakaran, banjir, musim kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar bidang kuasa kawalan yang sepatutnya oleh pihak CBP.
- 9.9 Kesemua Terma dan Syarat yang termaktub di sini adalah tertakluk dan akan diperjelaskan selaras dengan perundangan Malaysia dan segala pertikaian berkaitan Kempen ini akan di rujuk kepada Mahkamah di Malaysia.
- 9.10 Jika berlaku sebarang percanggahan atau konflik dalam interpretasi Terma dan Syarat-Syarat ini, sama ada dalam versi Bahasa Inggeris dan / atau versi Bahasa Malaysia tentang setiap satu Terma dan Syarat ini akan diperjelaskan sebagai sama atau setara dan setiap satu Terma dan Syarat yang ditentukan itu akan membawa makna yang sama.